



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN : IKLAN 30/04/18**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**IMAM TINGKAT IV (D.4-5 EB.6)  
JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



#### Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian IV

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang '**Apply**';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Kad Pengenalan.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Lesen Memandu.pdf</a>



**SIJIL-SIJIL** (sepertimana kehendak skim) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** dan **PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">GCSE O LEVEL.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">NTC2.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Skill Certificate 2.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Skill Certificate 3.pdf</a>



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.



Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan, pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "*Current Government Employee*"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).



## My Profile

### Working Experience

#### Public and Ex-Government Employee



#### Current Government Employee

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	

#### Current Appointment

Starting Date

01/02/2012

Ministry

Prime Minister's Office

Department

PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Job Title

KERANI



**1. IMAM TINGKAT IV**

**JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**D.4-5 EB.6 (\$1,225 - \$1,785 SEBULAN)**

**KEKOSONGAN = TIGA (03)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Bilal Tingkat I atau dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Ugama (SPU) atau sebanding.

Mempunyai kebolehan / Kemahiran:

- i) Menyampaikan ceramah / kuliah.
- ii) Membaca Al-Quran.
- iii) Hafal Surah As-Sajadah
- iv) Membaca dan menulis jawi
- v) Membaca Tahlil dan doa-doa tertentu.
- vi) Menyampaikan Khutbah.
- vii) Menyempurnakan jenazah.
- viii) Mengetahui hukum-hukum khususnya dalam perkara-perkara bersuci, sembahyang, zakat dan puasa.
- ix) Hukum-hukum nikah kahwin.
- x) Berdikir dan berzanji.



3. Hendaklah berumur tidak kurang dari 21 tahun.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menjadi Ketua / Penolong Pentadbiran di masjid tempat bertugas dan kepada pegawai-pegawai masjid yang di bawah kawalannya.
2. Menjadi Imam, menyampaikan khutbah dan menunaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan fardhu kifayah.
3. Bertanggungjawab dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti takmir masjid, majlis keagamaan dan kebajikan Jemaah.
4. Memimpin, memeduli dan membimbing Pegawai Masjid di bawah kawalannya dari segi meningkatkan profesyen, ilmu pengetahuan, amal ibadat, ketertiban (tingkah laku) dalam menjalankan tugas dan lain-lain tanggungjawab yang berkaitan dengannya.
5. Berusaha bersama-sama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Majlis Perundingan Kampung / Majlis Perundingan Mukim bagi meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan masyarakat penduduk kampong dan sekitarnya.
6. Menyediakan 4 buah buku:
  - a) Kedatangan bertugas.
  - b) Catatan pelawat.
  - c) Catatan keluar masuk (pegawai bertugas).
  - d) Catatan harian.
7. Hadir sekurang-kurangnya setengah jam sebelum dan selepas sembahyang.
8. Mengawal dan menjalankan segala perkara-perkara yang berkenaan dengan surau, termasuklah menjaga dan memelihara perkara-perkara berikut:
  - a) Keselamatan dan kebersihan bangunan surau.
  - b) Keselamatan harta-benda surau, termasuk menyimpan segala kenyataan yang lengkap mengenai harta-benda, wang tunai dengan kunci kira-kira yang lengkap.



- c) Kebersihan dan kebisaian kawasan surau.
- d) Memberi laporan kepada Pegawai Ugama Kanan, Kementerian Pertahanan segala perkara yang berlaku dalam perkhemahan berhubung dengan ugama.
- e) Menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya menurut yang ditentukan Bab (65) dari Undang-Undang Masjid Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955.
- f) Pada umumnya Imam hendaklah sentiasa menjaga maruah dan kehormatan ugama dan Imam hendaklah menaruh ingatan dan perhatian yang berat bahawa jawatannya adalah pekerjaan dan perkhidmatan bagi menjalankan suruhan ugama.